



Jabatan Alam Sekitar
Department of Environment
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Ministry of Natural Resources & Environment
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8889 1040 /
03-8888 9987 (Pentadbiran)
03-8889 1978 (Kewangan)
03-8888 2693 (Integrasi)
03-8888 4151 (Udara)
03-8889 1042 (Komunikasi Strategik)
03-8889 1045 (Penilaian)
03-8888 4070 (Air Dan Marin)
03-8888 0067 (Penguatkuasa)
03-8888 9964 (Teknologi Maklumat)
03-8888 6120 (Bahan Berbahaya)
03-8889 1973/1975 (Bilik Operasi)
Laman Web : www.doe.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : AS 91/110/606/906/079()

Tarikh : 19 Julai 2016

Pengarah-pengarah JAS Negeri

Pengarah-pengarah JAS Ibu Pejabat

Pengarah EiMAS

YBhg. Dato'/ Datin/ YM. Tengku/ Tuan/ Puan,

PENGUATKUASAAN DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT) NRE VERSI 2.3 DI IBU PEJABAT, NEGERI DAN CAWANGAN JABATAN ALAM SEKITAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Datin/ YM. Tengku/ Tuan/ Puan, Mesyuarat JPICT JAS Bilangan 4 Tahun 2016 pada 23 Jun 2016 bersetuju menerima pakai Dasar Keselamatan ICT NRE Versi 2.3 dengan pindaan seperti di **Lampiran 1**. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 2000 bertajuk "Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan" yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/ Agensi Kerajaan dalam usaha melindungi keselamatan maklumat Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan JAS **diwajibkan** memahami dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT NRE Versi 2.3 tersebut. Kakitangan JAS yang melapor diri mulai tahun 2016 hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pematuhan DKICT Jabatan Alam Sekitar (JAS)** seperti di **Lampiran A**. Surat Akuan Pematuhan DKICT JAS yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar kepada Bahagian Teknologi Maklumat atau PPTM Negeri **selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2016**.

Muka 1 / 2

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2008
NO. SIJIL : AR 5141

4. Dasar Keselamatan ICT NRE Versi 2.3 dan pindaannya boleh dicapai di laman intranet web JAS dengan melakukan tatacara berikut:

- (i) Memasukkan *username* dan kata laluan di menu Warga JAS; dan
- (ii) Memilih sub menu Program Kesedaran & Pengetahuan ICT.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini bolehlah dikemukakan kepada **Puan Nordiana binti Nordin** ditalian **03-88712188** atau e-mel kepada **rangkaian@doe.gov.my**.

6. Kerjasama dan tindakan segera daripada YBhg. Dato'/ Datin/ YM. Tengku/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Integriti Asas Peningkatan Kualiti'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR AHMAD KAMARULNAJIB BIN CHE IBRAHIM)
Ketua Pengarah Alam Sekitar
MALAYSIA

s.k:

TKP(P)
Chief Information Officer (CIO)
Jabatan Alam Sekitar

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) adalah bersetuju mengguna pakai DKICT NRE
Versi 2.3 dengan pindaan seperti berikut:-

REKOD PINDAAN

TARIKH PINDAAN	RUJUKAN PINDAAN/ MUKA SURAT TERLIBAT	BUTIR-BUTIR PINDAAN
23/6/2016	Di setiap muka surat	Gantikan singkatan "NRE" ke "JAS" iaitu Jabatan Alam Sekitar
23/6/2016	Di setiap muka surat	Gantikan singkatan "BPM" ke "BTM" iaitu Bahagian Teknologi Maklumat
23/6/2016	Di setiap muka surat	Gantikan singkatan "ICT NRE" ke "ICT JAS"
23/6/2016	Di setiap muka surat	Gantikan perkataan "Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)" ke "Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (B(T&W))"
23/6/2016	Perkara 2 ORGANISASI KESELAMATAN MAKLUMAT para 2.1(a)(i) dan (b)(i) di mukasurat 6 dan di setiap muka surat	Gantikan perkataan "Ketua Setiausaha NRE" ke "Ketua Pengarah Alam Sekitar"
23/6/2016	Perkara 2 ORGANISASI KESELAMATAN MAKLUMAT para 2.3 (mukasurat 9)	Gantikan perkataan "Jawatankuasa Keselamatan dan Operasi ICT" ke "Jawatankuasa Keselamatan ICT"

TARIKH PINDAAN	RUJUKAN PINDAAN/ MUKA SURAT TERLIBAT	BUTIR-BUTIR PINDAAN
23/6/2016	Perkara 7 KAWALAN CAPAIAN para 7.3(g) (mukasurat 34)	Gantikan ayat 7.3(g) "Kata laluan hendaklah ditukar dengan kerap berdasarkan syarat seperti berikut:" ke "(i) Kata laluan bagi pentadbir sistem untuk ke sistem utama hendaklah ditukar sekurang-kurangnya setiap tiga(3) bulan atau selepas tempoh masa yang bersesuaian; dan (ii) Kata laluan bagi pengguna untuk mencapai perkhidmatan aplikasi yang disediakan oleh JAS hendaklah ditukar setiap enam (6) bulan atau selepas tempoh masa yang bersesuaian."
23/6/2016	Perkara 7 KAWALAN CAPAIAN para 7.7 (mukasurat 36)	Batalkan ayat " Untuk pegawai teknikal, komunikasi dari jarak jauh untuk mengendalikan sistem di dalam pusat data mestilah menggunakan Virtual Private Network(VPN)."

DILULUSKAN OLEH:


(DATO' DR AHMAD KAMARULNAJUIB BIN CHE IBRAHIM)

KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR

TARIKH: 19 Julai 2016



**SURAT AKUAN PEMATUHAN
DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (DKICT)
JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**



Nama (Huruf Besar) : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Jawatan : _____
 Bahagian / Negeri : _____

Adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya telah membaca, memahami dan akur akan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT NRE bersama pindaan di **Lampiran 1**; dan
2. Jika saya ingkar kepada peruntukan-peruntukan dan pindaan yang ditetapkan, maka tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas diri saya.

Tandatangan :

Tarikh :

Pengesahan Pegawai Keselamatan ICT

.....

(Tandatangan & Cop Jawatan)

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh:

* DKICT NRE bersama pindaan di Lampiran 1 boleh dicapai menerusi <http://www.doe.gov.my>